

**PENGGUNAAN E-BRAILLE AL-QURAN
TERHADAP PENGUASAAN HURUF, BARIS DAN
PETIKAN SURAH DALAM KALANGAN MURID
BERKEPERLUAN KHAS PENGLIHATAN**

MOHAMAD FAKRUL RAZI BIN ADNAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PENGGUNAAN E-BRAILLE AL-QURAN
TERHADAP PENGUASAAN HURUF, BARIS DAN
PETIKAN SURAH DALAM KALANGAN MURID
BERKEPERLUAN KHAS PENGLIHATAN**

oleh

MOHAMAD FAKRUL RAZI BIN ADNAN

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2022

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan penyelidikan bagi Sarjana Sastera (Pendidikan) ini dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Ts, Dr, Rozniza Zaharudin, selaku penyelia utama dan merupakan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang tidak putus-putus dalam usaha membantu menyempurnakan penyelidikan ini. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka huluskan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua penyelidikan ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Definisi Operasional Kajian	13
1.9.1 Pengajaran	13
1.9.2 Pembelajaran	13
1.9.3 Ketidakupayaan Penglihatan	14
1.9.4 Braille	14
1.9.5 E-Braille Al-Quran	15
1.9.6 Al- Quran Braille	15
1.9.7 Buku Iqra' Braille	16

1.10	Kesimpulan.....	17
BAB 2 KAJIAN LITERATUR.....		18
2.1	Pengenalan.....	18
2.2	Sejarah Pendidikan Al-Quran Braille.....	18
2.3	Orang Kurang Upaya (OKU).....	24
2.4	Murid Berkeperluan Khas Ketidakupayaan Penglihatan.....	26
2.5	Teknologi Bantuan.....	27
2.5.1	Teknologi Bantuan MBK Ketidakupayaan Penglihatan.....	28
2.6	Teori Kerangka Kajian.....	30
2.6.1	Teori Kognitif Jean Piaget.....	31
2.6.2	Perkaitan Teori Kognitif Jean Piaget dengan Kaedah E-Braille Al-Quran.....	33
2.7	Kerangka Kongsep Kajian.....	35
2.8	Kesimpulan.....	36
BAB 3 METODOLOGI.....		37
3.1	Pengenalan.....	37
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	37
3.3	Perjalanan Kajian.....	41
3.4	Populasi dan Sampel Kajian.....	42
3.4.1	Populasi.....	42
3.4.2	Sampel Kajian.....	43
3.5	Instrumen Kajian.....	44
3.5.1	Ujian Diagnostik.....	44
3.5.2	Temu Bual Separa Struktur.....	45
3.5.3	Pemerhatian.....	46
3.6	Analisis Data.....	48
3.7	Kajian Rintis.....	52
3.7.1	E-Braille Al-Quran.....	54

3.7.2	Ulasan Instrumen Kajian.....	55
3.7.3	Ulasan Ujian Diagnostik.....	55
3.8	Kesimpulan.....	55
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		56
4.1	Pendahuluan.....	56
4.2	Demografi Responden Kajian.....	57
4.1	Jadual Demografi Responden Kajian (Murid).....	58
4.2	Jadual Demografi Responden Kajian (Guru).....	58
4.3	Keberkesanan E-Braille Al-Quran Terhadap Meningkatkan Kemahiran Mengenal Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille.....	59
4.3	Jadual Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pos Kemahiran Mengenal Kod Braille Huruf dalam Al Quran Braille.....	60
4.4	Keberkesanan E-Braille Al-Quran terhadap Kemahiran Membaca Kod Braille Baris dalam Al-Quran.....	65
4.4	Jadual Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pos Kemahiran Mengenal Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille.....	65
4.5	Keberkesanan E-Braille Al-Quran terhadap Tahap Penguasaan Petikan Surah Al-Quran Braille Mengikut Tahap Rendah, Tahap Sederhana, Tahap Tinggi.....	70
4.5	Jadual Keberkesanan E-Braille Al-Quran terhadap Tahap Penguasaan Petikan Surah Al-Quran Braille Mengikut Tahap Rendah, Sederhana dan Tinggi.....	70
4.6	Persepsi Guru Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan dalam Penggunaan E-Braille Al-Quran dalam Pembelajaran Al-Quran.....	77
4.7	Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan.....	83
4.8	Kesimpulan.....	127

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	128
5.1 Pendahuluan	128
5.2 Keberkesanan E-Braille Al-Quran Terhadap Kemahiran Mengenal Kod Braille Huruf dalam Al-Quran Braille dalam Kalangan Murid Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan	129
5.3 Keberkesanan E-Braille Al-Quran Terhadap Kemahiran Membaca Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille dalam Kalangan Murid Berkerpeluan Khas Ketidakupayaan Penglihatan	131
5.4 Keberkesanan E-Braille Al-Quran Terhadap Tahap Penguasaan Petikan Surah Al-Quran Braille Mengikut Tahap Rendah, Sederhana dan Tinggi dalam Kalangan Murid Berkerpeluan Khas Ketidakupayaan Penglihatan	133
5.5 Mengenal pasti Persepsi Guru Pendidikan Khas Masalah Penglihatan dalam Penggunaan E-Braille Al-Quran	134
5.6 Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam E-Braille Al-Quran	136
5.7 Implikasi Kajian	137
5.7.1 Implikasi Kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan	137
5.7.2 Implikasi Kepada Guru	138
5.7.3 Implikasi Kepada Ibu Bapa	140
5.7.4 Implikasi Kepada Jabatan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan	140
5.8 Cadangan Kajian Lanjutan	141
5.9 Kesimpulan	142
RUJUKAN	143
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 3.1	Skala Tahap Penguasaan Berdasarkan Ujian Pra dan Ujian Pos	51
Jadual 4.1	Demografi Responden Kajian	58
Jadual 4.2	Borang Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pos Kemahiran Mengenal Kod Braille Huruf dalam Al-Quran Braille	60
Jadual 4.3	Borang Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pos Kemahiran Membaca Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille	65
Jadual 4.4	Borang Senarai Semak Ujian Pra dan Ujian Pos Tahap Penguasaan Petikan Surah Al-Quran Braille Mengikut Tahap Rendah, Sederhana dan Tinggi	70

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Konsep Teori Kerangka Kajian	30
Rajah 2.2	Kerangka Konsep Kajian	35
Rajah 3.1	Rajah Perjalanan Kajian	41
Rajah 3.2	Analisis Data	48
Rajah 4.3.1	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Pertama Kemahiran Mengetahui Huruf Dalam Al-Quran Braille	61
Rajah 4.3.2	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Kedua Kemahiran Mengetahui Huruf Dalam Al-Quran Braille	62
Rajah 4.3.3	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Ketiga Kemahiran Mengetahui Huruf Dalam Al-Quran Braille	63
Rajah 4.4.1	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Pertama Kemahiran Mengetahui Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille	66
Rajah 4.4.2	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Kedua Kemahiran Mengetahui Kod Braille Baris dalam Al-Quran Braille	68
Rajah 4.5.1	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Pertama Tahap Mengetahui Petikan Surah Tahap Rendah	72
Rajah 4.5.2	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Pertama Tahap Mengetahui Petikan Surah Tahap Sederhana	73
Rajah 4.5.3	Peratus Peningkatan Bagi Soalan Pertama Tahap Mengetahui Petikan Surah Tahap Tinggi	75

SENARAI SINGKATAN

ABCD	Affective-Behavioural-Cognitive-Dynamic
ADDIE	Analyse, Design, Develop, Implement, Evaluate
ADHD	Attention Deficit Hyperactive Disorder
ASCD	Association for Supervision and Curriculum Development
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
DDR	Design and Development Research
IPA	Ilmu Pengetahuan Alam
ICC	Intra Class Correlation
KMO	Kaiser-Meyer-Olkin
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MPKP	Murid Pendidikan Khas Penglihatan
OKU	Orang Kurang Upaya
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation
WHO	World Health Organization

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Kebenaran Menjalankan Kajian KPM
- Lampiran B Kebenaran Menjalankan Kajian JPN
- Lampiran C Kebenaran Menjalankan Kajian PPD
- Lampiran D Kesahan Semakan Instrumen
- Lampiran E Kesahan Semakan Laras Bahasa

**PENGUNAAN E-BRAILLE AL-QURAN TERHADAP PENGUASAAN
HURUF, BARIS DAN PETIKAN SURAH DALAM KALANGAN MURID
BERKEPERLUAN KHAS PENGLIHATAN**

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti penggunaan E-Braille Al-Quran dalam meningkatkan tahap penguasaan huruf, baris dan petikan surah kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) Ketidakupayaan Penglihatan. Kajian ini telah menerangkan keberkesanan penggunaan E-Braille Al-Quran kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan E-Braille Al-Quran dalam meningkatkan tahap penguasaan huruf, baris dan petikan surah dalam Al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen diagnostik dan temu bual untuk memungut data dan menilai tahap kebolehan MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam pembelajaran E-Braille Al-Quran. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan huruf, baris dan petikan surah selepas penggunaan E-Braille Al-Quran oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan.

**THE USE OF AL-QURAN E-BRAILLE TOWARDS MASTERING LETTERS
LINES AND QURANIC VERSES AMONG STUDENTS WITH VISUAL
IMPAIRMENT**

ABSTRACT

This research discusses the application of the E-Braille Quran to enhance and improve the level of mastery for letters, lines and *surah* passages for visual impairment special needs learners. The research study explains the effectiveness of using E-Braille Quran for visual impairment special needs learners. The research objectives are to identify the effectiveness of the E-Braille Quran in enhancing the mastery of letters, lines, and *surah* passages in Quran. The quantitative and qualitative approaches are used to evaluate the level of usability of the MBK visual impairment in E-Braille Quran learning. The findings illustrated that the level of mastery for letters, lines and *surah* passages among visual impaired special need learners increases after using the E-Braille Quran for visual impairment special needs learners.

BAB 1

1.1 Pengenalan

E-Braille Al-Quran merupakan teknologi elektronik yang terbaru diubahsuai agar lebih mesra Orang Kurang Upaya (OKU) kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) Ketidakupayaan Penglihatan untuk mempelajari Al-Quran Braille. E-Braille Al-Quran dibangunkan dengan kerjasama kumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (Mustaqim, 2014). E-Braille Al-Quran menggunakan kaedah pembelajaran Al-Quran Braille dengan menggunakan kaedah elektronik iaitu E-Braille Al-Quran. E-Braille Al-Quran adalah teknologi elektronik terkini yang ditambah baik untuk MBK Ketidakupayaan Penglihatan mempelajari Al-Quran Braille. E-Braille Al-Quran juga merupakan kaedah pembelajaran yang akan membantu MBK Ketidakupayaan Penglihatan mempelajari Al-Quran dengan bantuan suara (*voice*) dan titik timbul yang merangkumi kod-kod Braille yang akan berubah mengikut huruf, abjad dan ayat yang dibaca. E-Braille Al-Quran mengeluarkan output suara (*Voice*) dan titik timbul kod braille mengikut huruf dan baris serta surah yang dibaca. (Mohd Mokhtar & Aliza, 2004).

Ketidakupayaan Penglihatan pula merujuk kepada keadaan Ketidakupayaan yang melibatkan fungsi sebagai deria penglihatan. Secara umumnya, Ketidakupayaan Penglihatan terdiri kepada dua iaitu 'buta' dan 'rabun' atau 'berpenglihatan terhad'. MBK Ketidakupayaan Penglihatan yang dikategorikan sebagai buta biasanya tidak

mempunyai penglihatan langsung, dan jika mempunyai penglihatan sekalipun, keadaannya amat terhad untuk digunakan sebagai saluran untuk mendapatkan maklumat apatah lagi untuk tujuan pembelajaran. Justeru, MBK Ketidakupayaan Penglihatan memerlukan “Braille” sebagai media bacaan ataupun khidmat ‘pembaca’ untuk mendapatkan maklumat daripada bahan bercetak.

Menurut Zuri & Aznan (2011) MBK Masalah Penglihatan tidak dapat membentuk pengalaman dan pengetahuan melalui deria penglihatan dan MBK Ketidakupayaan Penglihatan terpaksa menggunakan deria-deria lain khususnya pendengaran dan juga melalui sentuhan. Oleh itu, tulisan Al-Quran Braille ini merupakan salah satu penyampaian maklumat agama Islam melalui sentuhan dan pendengaran kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Kurikulum bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan adalah sama seperti kurikulum murid normal yang lain. Tidak ketinggalan bagi subjek Pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah kementerian juga kurikulum di bawah kerajaan negeri. Mereka turut mempelajari dengan menggunakan isi kandungan buku teks yang sama dan menjalani peperiksaan yang sama seperti murid normal yang lain. Tetapi, perbezaannya ialah dari sudut medium penyampaian guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu komponen asas kurikulum adalah dengan membaca dan menulis menggunakan kod-kod Braille (Mohd Zuri Abdul Ghani & Aznan Che Ahmad, 2011).

Kemahiran mengenal huruf dan membezakan huruf amat penting untuk para murid membezakan bunyi huruf (Justice, 2006). Kelemahan murid membezakan huruf akan turut mempengaruhi kebolehan membaca, Hal ini kerana kemahiran

mengenali huruf merupakan titik permulaan kepada kemahiran membaca. Salah satu sebab murid gagal membaca dengan cekap ialah mereka belum menguasai kemahiran asas permulaan bacaan, iaitu mengenal huruf (Jamilah Ahmad, 1999). Kemahiran membaca bermula daripada mengenal, mengecam dan menyebut huruf dan suku kata, membatangkan dan membaca perkataan, ayat dan seterusnya petikan ataupun karangan. Oleh itu, murid harus menguasai kemahiran membaca tersebut. Malah, kegagalan murid-murid menguasai kemahiran asas membaca membawa kepada gangguan kepada penguasaan kemahiran membaca seterusnya (Muhammad Saiful Hag, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru yang berhadapan dengan MBK Ketidakupayaan Penglihatan perlu membezakan kaedah pengajaran dengan murid yang buta. Hal ini demikian kerana, guru perlu memahami ciri-ciri unik murid dan membuat akomodasi dan pembezaan kurikulum. Dengan sebab itu, maka perlunya kepada pengasingan di antara murid rabun dengan murid buta semasa pengajaran Al-Quran. Hal ini demikian kerana, penggunaan Al-Quran Braille sepenuhnya untuk murid buta, manakala murid rabun sebahagiannya menggunakan kanta pembesar dan sebahagiannya tidak memerlukan kanta (Rohaty Mohd Majzub, 2003).

Pengajaran Pendidikan Islam di Program Pendidikan Khas di sekolah terdiri daripada aspek kelayakkan akademik dan ikhtisas guru-guru, pengetahuan tentang ciri-ciri keperluan khas pelajar dan kebolehan serta keyakinan guru menyampaikan

isi kandungan Pendidikan Islam kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan (Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias, 2004). Guru-guru yang mengajar MBK Ketidakupayaan Penglihatan perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran murid mengikut kategori kurang upaya (Wood J.W, 2002).

Di sekolah MBK Ketidakupayaan Penglihatan mempelajari Al-Quran menggunakan buku Iqra' Braille. Penggunaan buku Iqra' Braille merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh guru kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan pada masa kini. Dalam kaedah pengajaran menggunakan buku Iqra' Braille adalah satu teknik pengajaran yang baik untuk MBK Ketidakupayaan Penglihatan mempelajari asas Al-Quran Braille. Tetapi dalam perkembangan teknologi pada masa kini kaedah pembelajaran Al-Quran menggunakan Buku Iqra' Braille dianggap kaedah lama iaitu menggunakan teknik sentuhan sahaja. Hal ini demikian kerana, titik timbul yang terdapat di dalam Iqra' Braille akan hilang kerana cetakan di atas kertas tersebut akan menyebabkan berlaku perubahan jika digunakan secara berulang kali (Mustaqim, 2014).

E-Braille Al-Quran merupakan teknologi baru yang dicipta untuk memudahkan dan membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan Al-Quran. Penggunaan E-Braille Al-Quran akan memudahkan MBK Ketidakupayaan Penglihatan membaca Al-Quran. E-Braille Al-Quran dilengkapi dengan teknologi terkini yang mempunyai perisian yang berfungsi mengucapkan paparan skrin (*text-to-speech synthesis*) memudahkan MBK Ketidakupayaan Penglihatan untuk mengendalikan komputer. Teknologi sedemikian dapat membantu MBK

Ketidakupayaan Penglihatan mendengar dan memahami bahan-bahan bacaan berkaitan agama yang terdapat dalam versi audio dan Braille (Ahmad Kamel Mohamed, Khairul Anuar Mohamad & Mohd Alwi Yusoff, 2008).

1.3 Penyataan Masalah

Antara isu-isu yang wujud dalam pengajaran Al-Quran Braille di sekolah di Malaysia adalah kelemahan pelajar dalam aspek penguasaan bacaan buku Iqra' Braille biasa. MBK Ketidakupayaan Penglihatan akan mengalami masalah dalam mengenal huruf yang terdapat didalam Al-Quran Braille. Hal ini demikian kerana, MBK Ketidakupayaan Penglihatan mengalami masalah memori jangka panjang iaitu sukar untuk mengingat sesuatu yang baru dipelajari dan akan mudah lupa pembelajaran yang telah diajar oleh guru apabila guru menggunakan buku Iqra' Braille biasa. Kekurangan alat bantu dan teknologi yang terkini akan menyebabkan MBK Ketidakupayaan Penglihatan akan ketinggalan dengan maklumat-maklumat yang baharu (Azarudin et.al, 2011).

MBK Ketidakupayaan Penglihatan menggunakan mesin Braille untuk menulis dan membaca bahan dalam Braille, termasuklah Al-Quran dalam tulisan Braille. Oleh itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam untuk MBK Ketidakupayaan Penglihatan perlu mempunyai kemahiran menggunakan mesin Braille dan membaca tulisan Braille, khususnya Al-Quran Braille. Dari aspek pemahaman, MBK Ketidakupayaan Penglihatan tidak menghadapi masalah kerana MBK Ketidakupayaan Penglihatan berkebolehan memahami konsep abstrak agama menerusi deria pendengaran. Malah, ada di antara MBK Ketidakupayaan Penglihatan

mampu menghafaz Al-Quran dengan hanya menggunakan deria pendengaran sahaja (Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias, 2004).

Merujuk kepada isu penguasaan Al-Quran, kebanyakan daripada kajian mendapati bahawa penguasaan MBK Ketidakupayaan Penglihatan berada di tahap yang lemah. Merujuk kepada kajian yang dijalankan kelemahan yang dikenal pasti adalah merangkumi aspek penguasaan baris dan huruf (Norsyidah, 2004). Kelancaran dalam membaca Al-Quran telah dikenal pasti melalui kajian yang dijalankan oleh Khadijah Abdul Razak (2008) dan mendapati bahawa hanya 42% sahaja murid yang mencapai tahap sederhana fasih dalam membaca Al-Quran. Hal tersebut telah dibuktikan dengan kajian yang dijalankan dan mendapati bahawa keseluruhan MBK Ketidakupayaan Penglihatan tidak mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam bacaan Al-Quran.

MBK Ketidakupayaan Penglihatan kurang arif dalam bidang berkaitan dengan Al-Quran Braille. Perkara ini berlaku disebabkan oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan terkeliru dengan sesetengah huruf dan baris yang hampir sama dari segi susunan titik-titiknya. Dengan sebab itu, maka penguasaan bacaan Al-Quran Braille oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan juga menjadi berkurangan disebabkan oleh kesukaran untuk mengingat susunan titik yang terdapat didalam Al-Quran Braille (Mohd Nur Adzam Rasdi, 2012).

Kajian juga mendapati antara masalah yang dihadapi sewaktu mempelajari Al-Quran Braille adalah tidak menguasai huruf-huruf sambungan didalam Al-Quran Braille. Masalah tersebut berlaku rentetan daripada murid yang tidak mahir kod Braille huruf dan baris gabungan didalam Al-Quran. Hal tersebut juga berlaku terhadap murid yang lemah pencapaian akademik dan sukar menguasai pelajaran apatah lagi untuk menghafal kod Braille huruf dan baris gabungan dalam Al-Quran Braille. Selain itu, kekurangan bahan-bahan rujukan selain daripada Al-Quran Braille turut menyukarkan dan melambatkan MBK Ketidakupayaan Penglihatan menguasai Al-Quran Braille (Noor Najihan Jaafar & Kauthar Abd. Kadir, 2008).

Kajian juga akan menunjukkan tahap penguasaan Al-Quran Braille oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan berdasarkan persepsi guru, kajian menunjukkan sama ada kaedah E-Braille Al-Quran sangat membantu atau tidak membantu MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam mempelajari Al-Quran. Selain itu, tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui kelemahan kaedah buku Iqra' Braille dan E-Braille Al-Quran yang dikenal pasti oleh guru dalam aspek tahap penguasaan huruf dan baris dalam Al-Quran (Hamdan Abdul Rahman, 2015).

Oleh itu kajian ini perlu dilakukan supaya MBK Ketidakupayaan Penglihatan dapat menggunakan E-Braille Al-Quran dengan baik. Disamping itu, kajian ini dilakukan agar MBK Ketidakupayaan Penglihatan dapat meningkatkan penguasaan huruf, baris dan petikan surah peringkat rendah, sederhana dan tinggi dalam Al-Quran Braille.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan mengkaji penggunaan E-Braille Al-Quran dalam meningkatkan tahap penguasaan huruf dan baris dalam Al-Quran Braille kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Ia melibatkan pengenalan kombinasi kod simbol Braille huruf, baris dan petikan surah dalam Al-Quran Braille. Selain itu, kajian ini juga dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap penggunaan E-Braille Al-Quran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif kajian seperti berikut :

- 1.5.1** Mengetahui pasti keberkesanan penggunaan E-Braille Al-Quran terhadap kemahiran mengenal kod Braille huruf dalam Al-Quran Braille.
- 1.5.2** Mengetahui pasti keberkesanan penggunaan E-Braille Al-Quran terhadap kemahiran membaca kod Braille baris dalam Al-Quran Braille.
- 1.5.3** Mengetahui pasti keberkesanan penggunaan E-Braille Al-Quran terhadap tahap penguasaan petikan surah Al-Quran Braille mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.
- 1.5.4** Mengetahui pasti persepsi guru pendidikan khas Ketidakupayaan Penglihatan dalam penggunaan E-Braille Al-Quran.
- 1.5.5** Mengetahui pasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam mempelajari E-Braille Al-Quran.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian diatas, pengkaji telah menyenaraikan persoalan kajian yang perlu dijawab dalam kajian ini iaitu seperti berikut :

- 1.6.1** Adakah penggunaan E-Braille Al-Quran berkesan terhadap kemahiran mengenal kod Braille huruf dalam Al-Quran Braille?
- 1.6.2** Adakah penggunaan E-Braille Al-Quran berkesan terhadap kemahiran membaca kod Braille baris dalam Al-Quran Braille?
- 1.6.3** Adakah penggunaan E-Braille Al-Quran berkesan terhadap tahap penguasaan petikan surah Al-Quran Braille mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi.
- 1.6.4** Bagaimana persepsi guru pendidikan khas Ketidakupayaan Penglihatan terhadap penggunaan E-Braille Al-Quran?
- 1.6.5** Apakah masalah dan cabaran yang dihadapi oleh MBK Ketidakupayaan penglihatan dalam penggunaan E-Braille Al-Quran?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan secara khususnya bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan Penggunaan E-Braille Al-Quran dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf dan baris dalam Al-Quran Braille kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Kajian ini memberi manfaat kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam mempelajari dan meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran Braille. Kemahiran mengenal huruf yang terdiri daripada menamakan huruf, memadankan huruf dengan baris, dan mengenal titik-titik kod Braille Al-Quran. Kemahiran kod Braille gabungan juga diberikan penekanan sebagai satu persediaan kemahiran asas yang diperlukan oleh murid untuk membaca Al-Quran Braille.

Penggunaan kepelbagaian teori pembelajaran dalam penggunaan E-Braille Al-Quran seperti teori perkembangan kognitif Bruner, pendekatan multisensori dan penggunaan bahan manipulatif dapat memenuhi keperluan dan tahap kemampuan kognitif MBK Ketidakupayaan Penglihatan dan seterusnya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Kombinasi teori- teori tersebut menunjukkan bahawa E-Braille Al-Quran merupakan kaedah pengajaran berasaskan penyelidikan dan dapat dipraktikkan.

Selanjutnya, kepentingan lain bagi kajian ini adalah mendalami keberkesanan penggunaan teknologi E-Braille Al-Quran dalam mempelajari Al-Quran Braille yang

masih lagi kurang dikaji terhadap MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam konteks negara kita Malaysia. Rentetan daripada itu, sekiranya penggunaan E-Braille Al-Quran ini terbukti berkesan dalam membantu meningkatkan pencapaian MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam kemahiran mengenal huruf dan baris, teknologi tersebut dapat dijadikan sebagai salah satu alternatif dalam pengajaran Al-Quran Braille bagi para guru dan secara langsung menyokong saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dengan menggalakkan penggunaan kepelbagaian kaedah mengajar dan memilih pendekatan dan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan serta kemampuan MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran Braille. Dapatan kajian ini dapat memberikan naratif baru amalan pendidikan dan memberikan ilmu pengetahuan kepada para pembaca khususnya pendidik.

1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Batasan kajian yang pertama ialah sampel kajian yang dipilih merupakan MBK Ketidakupayaan Penglihatan. MBK Ketidakupayaan Penglihatan hanya boleh didapati di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI). Oleh hal yang demikian, pengkaji perlu mencari lokasi kajian iaitu sebuah sekolah yang menawarkan pendidikan kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan.

Batasan kajian yang kedua ialah umur sampel. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih ialah MBK Ketidakupayaan Penglihatan yang berumur 8 tahun hingga 14 tahun. Perbatasan umur sampel menyebabkan pengkaji sukar untuk mendapatkan bilangan MBK Ketidakupayaan Penglihatan yang ramai di dalam sebuah sekolah untuk dijadikan sampel kajian. Selain itu, pengkelasan murid di sekolah mengikut tahap keupayaan murid dalam membaca Braille menyebabkan kesukaran kepada pengkaji untuk mengenal pasti tahap umur dengan keupayaan murid dalam mempelajari Al-Quran Braille. Rentetan daripada itu, bilangan sampel yang dipilih dalam kajian ini ialah lima orang MBK Ketidakupayaan Penglihatan.

Batasan kajian yang ketiga ialah pemilihan Al-Quran Braille. Berdasarkan Kokurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan) (2016), standard pembelajaran yang telah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah PI (1.4) Murid berupaya untuk mengenal dan menulis huruf-huruf hijaiyah tunggal kod Braille Al-Quran, PI (1.4.1) Mengenal pasti huruf-huruf Al-Quran Braille dan PI (1.4.2) Mengenal pasti bunyi huruf berbaris dalam kod Braille Al-Quran atas (fathah), bawah (kasroh), hadapan (dhommah). Namun begitu, pengkaji menggunakan standard pembelajaran yang sesuai kepada murid supaya murid dapat menyebut huruf-huruf tunggal kod Braille Al-Quran dengan baik. Hal ini demikian kerana, pengkaji mengambil kira faktor kemampuan murid masalah penglihatan dalam menyebut dan membaca Al-Quran Braille.

Batasan kajian yang terakhir ialah sampel kajian perlu menguasai kombinasi titik-titik pada setiap kod Braille yang terdapat di dalam Al-Quran Braille terlebih dahulu sebelum mempelajari dan mengenalpasti kombinasi titik-titik kod Braille gabungan dengan menggunakan Al-Quran Braille. Sekiranya sampel tidak dapat menguasai kombinasi titik-titik kod-kod Braille tunggal dan gabungan, ia akan menyukarkan sampel untuk membaca Al-Quran Braille dengan lebih baik dan lancar.

1.9 Definisi Operasional Kajian

Definisi konsep dan istilah diberikan dan diperjelaskan supaya dapat menyesuaikan dengan tujuan dan objektif kajian yang dijalankan. Istilah-istilah ini akan diterangkan mengikut perspektif kajian ini. Selain itu, definisi operasi diperlukan kerana mampu untuk menerangkan konsep kajian dalam konteks-konteks tertentu dan akan memberi lebih penjelasan dan kefahaman kepada pembaca terhadap kajian ini.

1.9.1 Pengajaran

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar (Noor Hisham Md Nawawi, 2011). Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengajaran Al-Quran Braille dengan menggunakan teknologi

Al-Quran E-Braille. Al-Quran E-Braille yang digunakan oleh guru adalah merupakan elektronik yang akan digunakan untuk pengajaran Al-Quran Braille kepada murid.

1.9.2 Pembelajaran

Pembelajaran adalah suatu usaha seorang guru untuk memberi ilmu pengetahuan kepada muridnya untuk mencapai tujuan yang diharapkan. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran bermaksud aktiviti-aktiviti hands on yang banyak melibatkan pembelajaran sendiri murid mengikut tahap keupayaan diri atau tanpa kehadiran guru untuk menambah pengetahuan sedia ada murid (Trianto, 2015). Dalam kajian ini, kaedah pembelajaran Al-Quran Braille yang diberikan oleh guru adalah dengan menggunakan teknologi Al-Quran E-Braille. Hal ini demikian kerana dengan menggunakan teknologi Al-Quran E-Braille dalam pembelajaran Al-Quran Braille akan lebih mudah dan efektif.

1.9.3 Ketidakupayaan Penglihatan

MBK Ketidakupayaan Penglihatan ini tidak dapat membentuk pengalaman dan pengetahuan melalui deria penglihatan dan mereka terpaksa menggunakan deria-deria lain khususnya pendengaran dan juga melalui sentuhan. Dari aspek pendidikan, Ketidakupayaan Penglihatan bermaksud, cacat separuh atau kurang nampak ialah mereka yang berkemampuan untuk membaca dan melihat huruf biasa. Buta ialah

mereka yang langsung tidak dapat melihat dan perlu menggunakan kod Braille untuk membaca (Zuri & Aznan 2011). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan MBK Ketidakupayaan Penglihatan sebagai responden untuk melihat keberkesanan penggunaan E-Braille Al-Quran dalam mempelajari Al-Quran Braille.

1.9.4 Braille

Bagi perkataan Braille pula bermaksud sistem tulisan bagi orang buta yang terdiri daripada titik-titik timbul yang mewakili aksara tertentu, dan dapat dibaca secara menyentuhnya dengan jari, yang menggunakan kod yang mempunyai peraturan dan kaedah penggunaannya tersendiri (Mustaqim, 2014). Dalam kajian ini, responden merupakan MBK Ketidakupayaan Penglihatan dan menggunakan kaedah Braille dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah ataupun di rumah. Oleh itu, kaedah Braille sangat penting untuk murid kuasai dengan lebih mahir.

1.9.5 E-Braille Al-Quran

F-Braille Al-Quran mengandungi sistem Iqra' E-Braille yang bersesuaian dengan Ketidakupayaan Penglihatan untuk mempelajari Al-Quran Braille pada peringkat asas mengenal huruf dan baris. Isi kandungannya sama seperti Iqra' yang digunakan oleh individu tipikal. Semua kandungannya melalui proses transkripsi huruf demi huruf dari Iqra' yang asal. Pembelajaran dimulai dengan membaca huruf *Alif* (*ā*) dan *Ba* (*ū*) yang berbaris *fathah*. Tujuannya adalah untuk

memperkenalkan murid dengan bunyi sebutan huruf berbaris pada peringkat awal hinggalah peringkat membaca perkataan dan surah dalam Al-Quran (Norakyairee & Ab. Halim, 2011). Dalam kajian ini, E-Braille Al-Quran merupakan teknologi yang digunakan oleh pengkaji untuk melihat tahap keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf, baris dan petikan surah kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan dalam mempelajari Al-Quran Braille.

1.9.6 Al-Quran Braille

Al-Quran Braille merupakan gabungan Al-Quran dan Braille ia merujuk kepada Mushaf Al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf, tanda baris seperti fathah, dammah, dan kasrah, serta simbol-simbol seperti shaddah, sukun, mad dan sebagainya (Noornajihan & Kauthar, 2008). Penghasilan Al-Quran Braille merupakan salah satu alternatif bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan untuk berinteraksi dengan mushaf ini.

1.9.7 Buku Iqra' Braille

Buku Iqra' Braille ialah suatu proses transkripsi daripada dokumen Teks Buku Iqra' kepada dokumen Iqra' Braille. Pemilihan Buku Iqra' (jilid 1-6) karangan K.H. As'ad Humam, Darul Fikir adalah selaras dengan tuntutan PdP Modul Al-Quran, Pendidikan Islam (KKSR) yang menjadikan buku ini sebagai panduan metod pengajaran Modul Al-Quran di sekolah-sekolah. Manakala, proses transkripsi

dijalankan dengan menggunakan perisian Duxbury Braille Translator (DBT), Kod Al-Quran Braille Gred 1 dan Jawi Braille. Dalam kajian ini, buku Iqra' Braille diperlukan untuk melihat tahap penguasaan huruf dan baris Al-Quran Braille kepada MBK Ketidakupayaan sebelum menggunakan E-Braille Al-Quran. Dengan ini pengkaji dapat melihat tahap penguasaan murid dalam mengenal huruf dan baris dalam Al-Quran Braille.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam arus dunia teknologi maklumat kini, pengaplikasian E-Braille Al-Quran dilihat amat penting dalam bidang pendidikan khas terutamanya kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Begitu juga dengan penggunaannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kemahiran Al-Quran. Hasil kajian memperlihatkan bahawa, penggunaan teknologi E-Braille Al-Quran amat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Institusi pendidikan juga berperanan penting kerana menyediakan kemudahan dan alatan bagi membantu MBK Ketidakupayaan Penglihatan mempelajari Al-Quran dengan baik. Dengan penggunaan teknologi ini, ia membantu perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan Al-Quran Braille bersesuaian dengan mengikut arus perubahan dan kepesatan global.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan pandangan serta kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara berkaitan keberkesanan penggunaan teknologi pengajaran E-Braille Al-Quran dalam meningkatkan kemahiran mengenal huruf, baris huruf dan petikan surah dalam Al-Quran Braille dalam kalangan MBK Ketidakupayaan Penglihatan.

2.2 Sejarah Pelaksanaan Pendidikan Al-Quran Braille di Malaysia

Di Malaysia, menurut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2020 terdapat 570,000 ribu Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKM, dan 46,307 ribu daripadanya adalah OKU Ketidakupayaan Penglihatan (JKM, 2020). Menurut laporan statistik JKM pada tahun 2011 hingga 2020, peratusan OKU yang berdaftar masing-masing 13%, 15% dan 17% adalah daripada golongan yang berumur kurang dari setahun sehingga 18 tahun. Ini menunjukkan terdapat peningkatan golongan yang berumur kurang daripada 18 tahun berdaftar di JKM dan majoritinya adalah melayu sekaligus menunjukkan peratusan Murid Berkeperluan Khas Ketidakupayaan Penglihatan di Malaysia.

Namun begitu, masih ramai lagi golongan OKU Ketidakupayaan Penglihatan ini yang tidak berdaftar di JKM dan menyebabkan mereka masih tercicir daripada mendapat kemudahan dan bantuan sepenuhnya daripada kerajaan. Menurut Mah Hassan, presiden Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM), golongan OKU cacat penglihatan yang tidak mendaftar dengan JKM bukan sahaja tidak mendapat pendidikan secara formal di sekolah yang disediakan, malah, mereka juga tidak tahu membaca dan tidak mendapat pendidikan agama (Syed Mohd Ridzuwan, 2014).

Berdasarkan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas, 2013), “Pendidikan Khas” ertinya pendidikan bagi murid berkeperluan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Khas Inklusif pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, atau pendidikan lepas menengah. Program pendidikan khas bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Ketidakupayaan Penglihatan di bawah kerajaan bermula dengan penubuhan Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth di Johor Bahru pada tahun 1948 (Ab. Halim Tamuri, Mohamad Khairu, Azman Ajuhary, 2010.).

Pendidikan agama bagi murid-murid sekolah khas ini bermula seawal penubuhan Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth di mana, penempatannya masih menumpang di rumah kebajikan masyarakat pelbagai kecacatan dan pelbagai masalah. Namun sekolah ini telah mengikuti kurikulum arus perdana iaitu sama seperti kurikulum murid-murid biasa. Manakala pendidikan agama Islam di sekolah

ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Johor serta guru-guru agama juga didatangkan daripada Jabatan Agama Johor (Zakaria Yahya, 2009). Kurikulum bagi pendidikan Agama Islam adalah menggunakan tulisan Jawi, sama seperti murid normal yang lain.

Oleh itu, Jawi Braille amat sinonim dengan Pendidikan Islam dan kitab-kitab agama. Hal ini demikian kerana, kebiasaannya kitab-kitab lama ditulis di dalam tulisan Jawi. Pada asalnya, kod Braille Jawi dikenali sebagai kod ‘Standard Indian Braille’ yang telah dibangunkan di Negara India seawal 1947 dan pernah dibincangkan di peringkat antarabangsa bagi penyeragaman kod Bahasa Arab (Mustaqim, 2014).

Menurut Zakaria Yahya (2009) yang merupakan Yang Dipertua PERTIS, beliau mengatakan sistem tulisan Jawi Braille pernah diusahakan oleh guru besar pertama Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth bersama-sama Major D.R. Bridges yang merupakan pegawai pada ketika itu, namun tulisan Jawi Braille masih belum diperkenalkan lagi. Usaha mereka dalam mengadaptasi tulisan Jawi mampu menghasilkan huruf alif sehingga ya sahaja melalui pepadanan bunyi yang hampir sama antara huruf rumi dan Jawi (Mustaqim, 2014) dengan menggunakan titik-titik Braille yang berbeza dengan sistem Jawi Braille kini. Hal ini kerana, mereka tidak mempunyai panduan khusus bagi sistem Tulisan Jawi Braille.

Pengajian agama di Sekolah Princess Elizabeth ini masih diteruskan walaupun sistem tulisan Jawi Braille belum diperkenalkan. Kelas pengajian agama tersebut menggunakan kurikulum berdasarkan sistem pendidikan agama Jabatan Agama Islam Johor. Namun, kaedah pengajaran hanya menggunakan kaedah pendengaran dan hafalan sahaja disebabkan kekurangan sumber (Mustaqim, 2014).

Menurut Zakaria Yahya (2009) lagi, sejarah sistem tulisan Jawi Braille bermula pada bulan Oktober tahun 1954, apabila seorang guru agama yang dikenali sebagai Cikgu Sulaiman Shafie bagi Sekolah Princess Elizabeth yang telah diarahkan oleh Jabatan Agama Islam Johor untuk mengajar MBK Ketidakupayaan penglihatan. Walaubagaimanapun, guru tersebut merupakan seorang yang berpenglihatan baik dan tidak mempunyai kemahiran di dalam Braille dan beliau juga tidak pernah mengikuti sebarang latihan untuk mengajar MBK Ketidakupayaan Penglihatan ini. Namun, atas kesungguhan dan rasa tanggungjawab sebagai seorang guru, beliau mengkaji sendiri tulisan Braille tersebut. Pada mulanya, beliau telah mempelajari sistem tulisan Braille rumi melalui murid-muridnya sendiri.

Seterusnya, Al-Quran Braille telah diterima pakai oleh beberapa sekolah di sekitar negara Jordan pada tahun 1953 sebagai panduan untuk mengenal dan baris yang terdapat didalam Al-Quran Braille. Beliau mula untuk meneliti dan membuat perbandingan diantara Al-Quran Braille dan Al-Quran biasa yang telah digunakan pada abad ini. Huruf, baris serta tanda bacaan yang terdapat di di dalam Al-Quran dibandingkan dan dibeza dengan mashaf yang biasa. Selepas itu, beliau akan dapat memahami huruf-huruf dan baris-baris dalam Braille Al-Quran, kaedah yang

digunakan dalam penulisan Braille dan baris dan titik-titik Braille di dalam Al-Quran tersebut (Zakaria Yahya & Mustaqim, 2014).

Namun begitu, setelah adanya mesin yang baru diperkenalkan 'thermoform' merupakan mesin cetak Braille yang pertama pada bulan Mac 1956 oleh MAB, dan mesin tersebut telah diterima oleh sekolah Princess Elizabeth yang terletak di Johor Bharu. Oleh itu, buku-buku teks telah ditranskripsikan ke dalam Jawi Braille dengan meluas serta menggunakan kertas Braillon. Beliau turut berperanan sebagai seorang pengajar dalam matapelajaran Jawi Braille kepada guru-guru agama yang akan mengajar di Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth di Johor Bharu juga ditugaskan untuk mentranskripsikan soalan peperiksaan bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan di bawah pengloalan Jabatan Agama Islam Johor.

Kini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pendidikan khas di sekolah khas kerajaan Malaysia, dan telah memperkenalkan PPKI dan juga PPI. Program Pendidikan Khas Integrasi PPKI atau dikenali sebagai rancangan pencantuman kelas aliran perdana dengan pendidikan khas telah mula diperkenalkan pada sekitar awal tahun 1962. Program PPKI dan PPI ini turut melibatkan MBK Ketidakupayaan Penglihatan bersama-sama dengan murid arus perdana di sekolah harian biasa (KPM, 2013). Hal ini jelas menunjukkan bahawa MBK.

MBK Ketidakupayaan Penglihatan ini juga turut mempelajari subjek yang sama seperti murid tipikal yang mempelajari pendidikan Islam dengan menggunakan tulisan Jawi. Perkara ini juga turut selari dengan objektif program tersebut untuk memastikan hak yang sama rata untuk belajar bagi MBK Ketidakupayaan Penglihatan dengan murid biasa tanpa halangan disamping dapat membina keyakinan diri dan penyesuaian diri MBK Ketidakupayaan Penglihatan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pada peringkat institusi pengajian tinggi, pendidikan Al-Quran Braille turut diberi perhatian yang serius pada ketika itu. Pada awal tahun 2012, penyelidikan Iqra' Braille dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci supaya dapat membangunkan intervensi-intervensi yang baharu untuk matapelajaran Al-Quran Braille. Selain itu, kajian ini juga telah memberi fokus untuk menilai format dan standard dalam mentranskripsikan bahan pengajaran Jawi Braille kepada MBK Ketidakupayaan Penglihatan. Kajian ini juga dilakukan untuk mendapatkan projek rintis ke arah membangunkan format transkripsi Braille dan bahan bacaan dalam matapelajaran pengajian Islam dan sumber rujukan bagi keperluan MBK Ketidakupayaan Penglihatan (Mahyuddin et. Al, 2012).

Pada tahun 2012 proses penyerahan buku Iqra' versi Braille kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas sempena majlis menandatangani MOU antara USIM, PERTIS, dan UTM dilakukan. Buku Iqra' telah digunapakai oleh sekolah-sekolah pendidikan khas di Malaysia, Iqra' Braille turut menggunakan